

Tinjauan Falsafah Pragmatisme Dari Aspek Pemikiran Politik Perbandingan

Sharifah Hayaati Syed Ismail

Abstract

Political thought has been the most active area of Muslim and Western intellectual life. Many theories and ideologies had been introduced through scientific and traditional approaches especially by the Western to politicize and develop peoples' mind. The ideas and ideologies differ from time to time based on needs and changes in human activities. One of the ideas introduced by the Western people is known as pragmatism. This article describes the philosophical background of the idea and compares it with the practical views of siyāsah shar'iyyah. The writer's main intention is to show the continuity as well as the comprehensiveness of the Islamic political thought even though many of the theories are not labelled in modern political terms.

Pendahuluan

Perjalanan Politik massa telah melalui pelbagai proses perkembangan dengan berkembangnya tamadun manusia. Tidak kira samada di dunia Islam maupun di Barat. Tetapi satu kepastian yang ketara dalam perkembangan tersebut ialah nilai-nilai tamadun Barat telah memberi impak dan pengaruh terhadap negara Islam, khususnya di zaman selepas era Soviet (*post-soviet era*) melalui proses kolonialisasi. Penjajahan dikatakan telah mengakibatkan masyarakat Islam bersifat *stagnant* dan *inferiority complex*. Hal ini telah menyebabkan dunia Islam malap dan proses *re-animation* juga menjadi kurang aktif. Tetapi era selepas itu, telah

mengubah pendirian umat Islam untuk maju dan lebih berkeyakinan. Idea-idea politik, ekonomi, kebudayaan, sains dan teknologi misalnya dicetuskan oleh para sarjana Islam antaranya seperti Jamāl al-Dīn al-Afghānī, Mālik Bin Nabi, Syed Qutb, Farīd Wajdī, dan Sa‘id al-Nūsī.

Sejarah juga telah membuktikan bagaimana proses *decolonisation* di negara-negara Islam khususnya Euro-Asian ini telah mengakibatkan perubahan dalam realiti geopolitik mereka yang seterusnya menyumbang ke arah pertukaran sosio-budaya. Faktor perkembangan kebudayaan dan parameter sosial di dalam tamadun Islam ini telah mengakibatkan perubahan drastik di dalam agenda politik dan ekonomi negara-negara Islam secara teori dan praktis.

Falsafah dan teori-teori pemikiran Barat juga telah diserap dan diterimakai sebagai wacana perubahan dan perkembangan di dalam sistem politik Islam sebagaimana yang berlaku di kebanyakan negara-negara Islam hari ini. Walaupun sebenarnya falsafah tersebut telah lebih dahulu diutarakan di dalam Kitab Suci al-Quran. Tetapi disebabkan perasaan tidak yakin terhadap teori sendiri yang kebanyakannya tidak dilabelkan dalam istilah dunia hari ini, umat Islam terpaksa meminjam istilah Barat untuk maju dan proses *readaptation* terhadap idea Islam dalam bentuk Barat berlaku. Ini adalah suatu realiti yang mahu tidak mahu terpaksa dilakukan dalam usaha meningkatkan kefahaman masyarakat Islam selaras dengan perkembangan tamadun Islam sendiri yang semakin kompleks dan juga atas alasan agar umat Islam tidak canggung apabila berdebat tentang tamadunnya terutama di bidang politik.

Di antara falsafah pemikiran Barat yang tidak asing dalam amalan politik masyarakat dunia hari ini adalah falsafah pragmatisme. Falsafah ini dihasilkan berasaskan rasional dan keyakinan para pemikir tentang sesuatu idea yang dicetuskan. Ianya pula berkeupayaan menghasilkan suatu output yang positif dan praktikal. Ia digunakan dalam pelbagai bidang khususnya bidang sosial dan politik.¹

Penulisan ini akan mengupas rasionaliti falsafah pragmatisme di dalam politik Barat yang telah diterimakai oleh pemimpin-pemimpin Islam samada secara terancang atau tidak. Di Malaysia misalnya, falsafah ini telah dilahirkan oleh Perdana Menteri YB Dato' Sri Dr. Mahathir Mohammad dalam kenyataan beliau:

“...they (Alliance/National Front) are always prepared and willing to follow the differing elements of the current ideologies which in their estimation can help them and the nation they rule”.²

Falsafah Pragmatisme: Suatu Pengenalan

Perkataan pragmatisme berasal dari perkataan Greek (*pragma*) yang bererti tindakan (*action*). Dari sinilah lahirnya kata nama *practice* dan *practical*.³ Kamus Dewan mendefinisikan praktis sebagai ‘sesuatu yang yang praktik, boleh dan mudah melaksanakannya’ dan praktikal bererti ‘berguna, dapat melaksanakan atau mencapai sesuatu’.⁴ Manakala pragmatik (*pragmatic*) menurut *Oxford Dictionary* bererti sifat yang berkaitan dengan nilai dan keputusan yang praktikal serta melakukannya berasaskan fakta atau dengan cara yang praktikal.⁵ Ini diungkapkan sebagaimana berikut;

“...concerned with practical results and values; treating things in a matter of fact or practical way”.

Falsafah pragmatisme ini disebut oleh seorang ahli falsafah Barat iaitu Charles Sanders Peirce (1839-1914) antaranya melalui buku beliau bertajuk *How To Make Our Idea Clear* sebagai suatu bentuk ujikaji, kerja lapangan dan pemikiran yang bermatlamat dan berasaskan pengalaman. Manakala William James (1842-1910)⁶ pula mendefinisikannya sebagai suatu tindakan yang praktikal.

Dengan itu, falsafah pragmatisme ialah keyakinan terhadap sesuatu tindakan praktikal yang akan membawa kepada natijah yang positif. Falsafah pragmatisme juga adalah suatu fahaman yang cuba merealisasikan teori melalui hasil yang praktikal.

Selain daripada itu, falsafah pragmatisme itu sendiri tidak terikat dengan teori-teori politik tertentu sebaliknya banyak bergantung kepada pemikiran ahli falsafah tersebut selagimana ia diyakini positif apabila dipraktikkan. Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan di sini bahawa falsafah pragmatisme itu terdiri daripada *positive means*, rasional, diyakini dan praktikal. Ia dihasilkan semata-mata oleh rasional akal dan tidak berasaskan kepada matlamat agama. Perkara ini disebut secara jelas di dalam *The New Encyclopaedia Of Britannica* sebagaimana berikut;

‘Pragmatist theorist have emphasized the functional character of ideas : ideas are suggestions and anticipations of possible conduct; they are hypotheses or forecasts of what will result from the given action; they are ways of organizing behavior in the world rather than replicas of the world. Ideas are thus analogous in some respects to tools; they are efficient, useful, and valuable, or not depending on the role that they play in contributing to the successful direction of behavior’ [p. 637].

Falsafah ini mempunyai dua implikasi penting terhadap tamadun manusia.

Pertamanya, falsafah ini mengajak manusia supaya bersifat progresif dan berkeyakinan apabila menjalan atau melahirkan suatu pandangan yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam geraklaku samada oleh individu maupun kelompok organisasi. Rasional pemikiran manusia dianggap berdaya tinggi untuk memikirkan apa yang baik untuk kehidupan mereka selagi mana ia berkeyakinan bahawa idea tersebut akan menghasilkan sesuatu yang positif. Manusia yang berpegang kepada falsafah ini akan memastikan idea mereka tidak dibiarkan tanpa perlaksanaan. Pemikiran yang berasaskan kepada falsafah ini adalah baik ke arah perkembangan tamadun manusia itu sendiri secara lahiriah. Tetapi belum tentu falsafah ini tiada kekecualiannya. Lihat sahaja pada implikasinya yang kedua.

Implikasi yang keduanya ialah pegangan falsafah pragmatisme adalah semata-mata berpandu kepada rasional dengan jelas telah mengenepikan nilai-nilai keagamaan. Di mana letaknya roh Islam itu sekiranya akal dan idea menjadi *primary concern* kepada falsafah ini? Sudah tentu falsafah ini bertentangan dengan falsafah yang dibawa oleh Islam. Tetapi jawapannya bukan setakat itu. Kerana sekiranya hanya itu penjelasannya, maka para orientalis sekali lagi menang dalam hujah mereka bahawa agama mengongkong kehidupan dan tamadun manusia.

Penjelasannya ialah Islam tidak menolak falsafah pragmatisme secara total kerana ajaran Islam dari segenap aspek menitikberatkan idea pragmatik dalam urusan keduniaan. Cuma ia tertolak kerana sifatnya yang mengenepikan nilai-nilai agama. Nilai agama yang dimaksudkan di sini ialah falsafah Islam yang berpegang kepada Tauhid atau Keesaan Allah dan apa juga yang bertentangan dengan hukumNya adalah terbatal setelah mengambilkira aspek-aspek yang terkandung di dalam *maqāṣid al-shari‘ah*. Dengan ertikata lain falsafah Islam dalam segala aspek adalah berpandu kepada *the sovereignty of Allah*. Inilah yang menidakkan falsafah pragmatisme Barat untuk direalisasikan oleh umat Islam.

Konsep kebenaran di dalam falsafah pragmatisme misalnya menumpukan hanya kepada kepraktikaluan idea tersebut. Ini dapat dilihat apabila di dalam *The New Encyclopaedia Of Britannica* sebagaimana yang dinukil di atas tadi bahawa pragmatisme adalah cara untuk mengorganisasikan tingkahlaku manusia di dunia ini. Ini menunjukkan bahawa bagi pemikir falsafah ini tingkahlaku manusia boleh diorganisasikan semata-mata oleh akal manusia sendiri. Sememangnya itulah rasional yang dipegang oleh mereka. Bagi mereka hanya manusia sahaja yang berupaya untuk memahami keperluan sesama mereka dan dengan sebab itu hanya manusialah yang paling layak melakukan pengorganisasian tersebut.

Agama dipandang sebagai sesuatu yang terlalu ideal untuk melaksanakan

tujuan tersebut. Bahkan bagi masyarakat Barat, teori-teori ahli falsafah adalah rujukan dan panduan kehidupan mereka. Ini dapat dibuktikan sendiri oleh perkembangan pemikiran Barat pada abad ke 19 yang menerima pemikiran dan idea Darwin dan Karl Marx misalnya lebih daripada idea autoriti gereja.⁷ Lebih dari itu, agama dianggap sebagai suatu ancaman kepada perkembangan manusia.

Atas alasan-alasan pragmatisme yang tidak terarah pada abad yang ke 20, telah lahir idea komunisme bagi menolak idea kristianiti dan nasionalisme dengan memperkenalkan konsep masyarakat universal (*Universal Community*) yang dianggap ideal untuk mendominasi dunia. Malangnya, ternyata idea ini terkubur di negara-negara komunis sendiri dan di Barat amnya.

Sedangkan dalam Islam kebenaran itu lahir dari *Divine Source* yang diadaptasikan oleh manusia dalam pelbagai bentuk dan keyakinan terhadap janji-janji Allah kepada orang-orang yang berusaha dan beramal saleh. Beramal saleh di sini bukanlah terhenti ke atas amalan-amalan ukhrawi semata-mata tetapi juga amalan-amalan baik yang dilakukan di dunia. Di sinilah asas utama pragmatisme di dalam Islam - keyakinan bahawa suruhan dan tegahan Allah itu memberi natijah yang positif kepada manusia di dunia dan di akhirat tanpa memerlukan kepada eksperimen bagi membuktikan keampuhan pegangan tersebut.

Pegangan falsafah pragmatisme sebaliknya, memahami konsep kebenaran hanya setelah ia terbukti benar melalui praktikal manusia. Bagi mereka *truth is what works* - kebenaran itu ialah apa yang berkesan apabila dilaksanakan. Bahkan bagi *pragmatis* kebenaran sesuatu agama itu juga mestilah kerana ianya bersifat *functional*. Atas alasan inilah William James menerima apa sahaja realiti agama yang dirasakan dapat memberi faedah material kepada kehidupan manusia.⁸ Manakala faedah yang berbentuk metafizika itu tidak dianggap sebagai sesuatu yang *functional* kerana tidak dapat dibuktikan melalui eksperimen. Ini sekaligus memperlihatkan bentuk keyakinan ketuhanan mereka yang nyata berbeza dengan nilai keyakinan umat Islam. Inilah uniknya falsafah keimanan dan ketakwaan kepada Allah yang menjadi asas pegangan dan amalan umat Islam dalam semua aspek kehidupan.

Falsafah ketakwaan dan keimanan ini sekaligus tidak membentarkan penerimaan sebahagian ajaran dan menolak sebahagian yang lain atas alasan ianya tidak *functional* kepada manusia atau atas alasan-alasan tertentu yang lain. Ajaran Islam secara jelas mengecam perbuatan tersebut melalui Firman Allah;

“...Apakah kamu beriman kepada sebahagian Kitab dan ingkar terhadap sebahagian yang lain? Tiadalah balasan bagi orang

yang berbuat demikian daripada kamu melainkan kehinaan dalam kehidupan dunia dan pada hari akhirat mereka dikembalikan kepada siksaan yang amat pedih.” [Surah al-Baqarah: 85]

Sebaliknya ajaran Islam menyeru umatnya untuk menerima dan meyakini ajaranNya secara total sebagaimana yang diperintahkan di dalam Surah al-Baqarah: 205 berikut;

“Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya dan janganlah kamu menuruti jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata”.

Walaubagaimanapun keterangan Ayat di atas tidak boleh dijadikan alasan atau hujah yang menunjukkan bahawa Islam itu tidak pragmatik kerana tidak memberi kebebasan berfikir dan kebebasan menentukan arah tuju kehidupan manusia. Sebaliknya, Ayat itu menunjukkan bagaimana komitednya ajaran Islam dari sudut pegangan keagamaan secara total. Dalam masa yang sama, ajaran Allah juga memberi kelonggaran kepada manusia untuk menentukan corak perjalanan kehidupan mereka sesuai dengan sosio-ekonomi dan politik setempat.⁹

Galakan berijtihad dan kecaman bertaqlid itu adalah sebenarnya anjakan supaya bersifat pragmatik dalam urusan dunia. Bahkan ijtihad adalah merupakan salah satu daripada sumber Syariah yang sifatnya berterusan.¹⁰ Sifatnya yang berterusan ini adalah untuk menjaga kemaslahatan umum yang mana kehidupan manusia itu berubah-ubah dan berkembang dari masa ke semasa sesuai dengan perkembangan tamadun manusia. Adalah tidak ideal sekiranya Islam membekukan pemikiran umat Islam dalam mencari jawapan dan penyelesaian khususnya kepada permasalahan yang tidak terdapat hukumnya secara jelas di dalam al-Qur'an dan Sunnah.

Penggunaan akal fikiran di dalam proses ijtihad secara langsung membolehkan sumber-sumber Fiqh yang lain dilaksanakan seperti *Qiyās*, *maṣālih al-mursalah* dan *sadd al-Dharā'i*. Di sinilah elemen pragmatik yang menggunakan daya keintelektualan manusia diiktiraf dan dikembangkan di dalam urusan sehari-hari. Namun begitu, ijtihad juga bersifat *prosedural* di mana ia tidak boleh dilakukan sesuka hati. Antaranya ijtihad perlu dilakukan berasaskan ilmu dan bukannya keraguan (*zann*). Ini juga membuktikan wujudnya elemen pragmatik di dalam melahirkan sesuatu hukum atau idea. Dengan sebab itu sekiranya mujtahid itu gagal membuktikan hukumnya, maka hukum tersebut akan tertolak.¹¹ Atau dengan kata lain, perlulah hukum yang dilahirkan daripada ijtihad atau pemikiran individu itu mempunyai asas dari sudut Syariah.

Tinjauan Falsafah Pragmatisme Dari Aspek Pemikiran Politik Perbandingan

Galakan berijtihad ini antaranya dapat dilihat melalui Sabda Nabi s.a.w:¹²

*“Berijtihadlah kerana setiap kamu mempunyai perolehan
sebagaimana yang Allah jadikan “*

Dari keterangan di atas, jelas kepada kita bahawa idea pragmatisme itu tidak ditolak bahkan merupakan salah satu elemen anjuran Islam itu sendiri. Cumanya ia tidak dilabelkan dengan satu istilah yang khusus dan ia lebih padu dari sudut gabungan pragmatik tindakan dengan pragmatik ketuhanan. Dengan sebab itu sukar untuk memberi satu istilah yang yang dapat memenuhi kedua-dua maksud tersebut. Apatah lagi skop pragmatisme Islam yang luas merangkumi segala tindak-tanduk manusia dan bukan semata-mata terfokus dalam aspek politik dan pendidikan sebagaimana yang dicetuskan oleh ahli falsafah Barat. Cetusan falsafah ini bukan berasas atau disebabkan oleh sesuatu motif tetapi kerana *nature* pegangan Islam itu sendiri. Penulis merasakan tidak perlu kepada suatu istilah sekiranya ia gagal membawa maksud pendirian Islam yang sebenar.

Falsafah Pragmatisme Daripada Perspektif Pemikiran Politik Islam

Penulis telah mendedahkan serba sedikit tentang konsep pragmatisme Barat dan konsep tersendiri Islam tentang hal ini. Cuma, persoalannya ialah bagaimana falsafah pragmatik Islam¹³ ini diadun di dalam politik Islam? Ini adalah satu persoalan yang perlu difikirkan oleh setiap individu samada sebagai seorang rakyat ataupun pemimpin. Malah, penulisan ini juga bertujuan untuk mendapatkan *public debate* dan bukan hanya untuk memberi ulasan atau penilaian tentang sumbangan Islam di dalam perbincangan ini.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa falsafah utama Islam di dalam politik dan pentadbiran adalah berpandukan kepada prinsip-prinsip kedaulatan, permesyuaratan atau perundingan (*Shūrā*), keadilan, kebebasan dan persamaan Islam.¹⁴ Manakala kaedah perlaksanaan prinsip-prinsip tersebut dengan tujuan untuk mengurus dan mentadbir umat Islam dan negara diistilahkan oleh para cendikiawan Islam sebagai *al-siyāsah al-shar‘iyyah*.¹⁵ Persoalan di atas akan dikupas berdasarkan prinsip-prinsip siyāsah shar‘iyyah tadi dari dua sudut iaitu rakyat dan pemimpin atau kelompok individu di dalam jentera pentadbiran atau kerajaan.

Pragmatisme Rakyat Daripada Perspektif Siyāsah Shar‘iyyah

Landasan asas pragmatisme rakyat ialah apabila Islam memberi ruang dan peluang yang luas kepada rakyat untuk melibatkan diri secara langsung mahupun tidak di dalam politik. Hak utama rakyat yang juga merupakan kewajipan mereka adalah

untuk memilih pemimpin. Idea ini adalah suatu idea asas yang cukup pragmatik yang telah dilontarkan oleh Islam sebagai suatu tanggungjawab yang terbukti berperanan dan positif walaupun tidak dibuktikan melalui eksperimen. Ia adalah idea pragmatik Islam yang merupakan suatu jaminan kualiti pemerintahan di dalam Islam.

Tanggungjawab rakyat ini jelas diperintahkan melalui Firman Allah:¹⁶

“Taatilah Allah dan taatilah Rasulullah dan pemimpin-pemimpin kamu”

Perintah supaya taat di sini adalah suatu suruhan yang membawa kepada implikasi wajib¹⁷ melantik mahupun memilih pemimpin untuk tujuan mengurus dan mentadbir hal ehwal rakyat dan negara. Suruhan ini mengandungi falsafah pragmatisme dari sudut idea perlantikan pemimpin yang sebenarnya lebih padu dan komprehensif iaitu ia telah ditentukan sebelum manusia dapat melihat implikasi negatif sekiranya masyarakat tidak dipimpin di bawah suatu kuasa pemerintahan. Berbeza dengan pegangan kepada falsafah pragmatisme Barat dalam bidang politik yang dicetuskan berdasarkan motif dan sebagai penyelesaian kepada masalah yang telah berlaku.

Dalil-dalil lain yang membuktikan tuntutan dan suruhan ini ialah Firman Allah:¹⁸

“Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat sesungguhnya Aku jadikan di atas muka bumi ini seorang khalifah”.

Firman Allah lagi:¹⁹

“Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikan engkau khalifah di muka bumi maka jalankanlah hukuman di antara manusia dengan kebenaran”.

Ayat-ayat di atas adalah juga asas kepada pemilihan atau perlantikan pemerintah. Istilah khalifah di dalam Ayat tersebut adalah juga suatu simbolik kepada keperluan pembentukan negara yang mengandungi pemerintah dan rakyat.

Dengan sebab itu, pragmatisme yang boleh dimainkan oleh rakyat menurut siyāsah shar‘iyyah ialah menjalankan kewajipan melantik atau memilih pemerintah secara bijaksana. Malah lebih pragmatik dari itu, Allah telah meletakkan garis panduan kepada pemilihan tersebut secara asasnya iaitu hendaklah dipilih dari kalangan mereka yang berwibawa.²⁰ Iaitu yang boleh melaksanakan prinsip-prinsip siyāsah shar‘iyyah yang disebut sebelum ini dalam urusan pentadbiran politik.

Sabda Rasulullah s.a.w :²¹

“Barangsiapa yang mengangkat seseorang dalam suatu perkara untuk sekelompok manusia sementara terdapat orang yang lebih baik (layak) daripada orang-orang yang diangkatnya maka dia telah mengkhianati Allah dan RasulNya dan orang-orang yang beriman”.

Idea-idea pragmatisme tentang kewajipan memilih pemimpin dan kewajipan rakyat memilih yang berwibawa di kalangan masyarakat Islam ini telah dibincangkan oleh pemikir-pemikir Islam yang *salaf* mahupun yang *khalaf* Antaranya sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Ghazālī;²²

“Agama itu asas, sultan itu pengawal dan apa-apa yang tidak berasas akan roboh dan sesuatu yang tidak mempunyai pengawal akan hilang dan luput”.

Selain daripada itu, Imam Ibn Taimiyyah pula menegaskan bahawa sifat bagi orang yang berwibawa ini dapat dilihat antaranya berasaskan kepada pengalaman. Iaitu beliau berpegang kepada Sunnah Nabi S.A.W yang menyerahkan kunci Kaabah kepada Bani Shaybah kerana pengalaman mereka dalam menguruskannya.²³ Selain daripada itu, ciri-ciri seperti adil, mempunyai kepakaran dan kualiti mentadbir bagi menjamin kemaslahatan umat juga sering dikaitkan dengan sifat berwibawa. Tetapi penekanannya tentulah kepada pegangan Syariah yang jitu.

Dengan yang demikian, falsafah Islam tentang siyāsah shar‘iyyah tidak akan menjadi realiti atau bersifat pragmatik sekiranya rakyat tidak menjalankan kewajipan melantik pemerintah yang berwibawa.

Pragmatisme Pemimpin Daripada Perspektif Siyāsah Shar‘iyyah

Penulis telah memperlihatkan secara umum tentang prinsip-prinsip pragmatik asas yang terdapat di dalam siyāsah shar‘iyyah iaitu meliputi prinsip kedaulatan, permesyuaratan (*shūrā*), keadilan, kebebasan dan persamaan. Mengapa prinsip-prinsip ini bersifat pragmatik juga telah dibincangkan di awal tadi. Tetapi sudah tentu ianya hanya satu jaminan yang tidak akan memberi apa-apa kesan positif kepada negara dan bangsa jika tiada suatu sistem perlaksanaan yang baik. Tetapi keyakinan bahawa prinsip-prinsip ini adalah suatu teori yang pragmatik itu tidak lagi perlu dipertikaikan walaupun manusia tidak melaksanakannya. Dengan sebab itu, sia-sia dan rugilah manusia yang menolak teori pragmatik ini.

Atas sebab itulah pemimpin atau pemerintah dianggap tirani sekiranya tidak

melaksanakan prinsip-prinsip tersebut dan sekaligus bersifat tidak pragmatik kepada tuntutan syarak. Firman Allah:²⁴

“Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”.

Ibarat seseorang yang telah dihidangkan dengan buah-buahan yang dijamin keenakannya (walaupun belum diketahui rasanya oleh individu tersebut), tetapi jaminan itu hanya akan dapat dinikmati sekiranya dia mengambil dan memakannya. Perbuatan memakan itu adalah perbuatan yang disuruh supaya dia dapat menikmati kelazatan buah tersebut. Begitulah analoginya dengan teori siyāsah shar‘iyyah yang disebut sebagai pragmatik tadi. Di sinilah asas kepada perlaksanaan pragmatik oleh pemimpin atau pemerintah menurut siyāsah shar‘iyyah.

Hujah ini akan penulis huraikan dengan mengambil salah satu dari prinsip siyāsah shar‘iyyah tersebut iaitu prinsip permesyuaratan (*shūrā*).

Anjuran bermesyuarat dan berunding di dalam menentukan urusan keduniaan jelas bersifat pragmatik kerana ia mendekatkan pemerintah dengan rakyat melalui perundingan. Dalil asas kepada kewajipan perlaksanaan prinsip ini kepada pemerintah atau pemimpin ialah firman Allah:²⁵

“Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu) dan kalaualah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu, maafkanlah mereka dan pohonkanlah ampun bagi mereka dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (keduniaan) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya”.

Di sinilah, di mana sistem-sistem pemerintahan yang diperkenalkan oleh Barat bertentangan sama sekali dengan siyāsah shar‘iyyah. Seperti pemerintahan autokrasi, totalitarian, komunis dan diktator. Bahkan inilah sistem pemerintahan yang tidak pragmatik, tirani dan tidak adil di sisi Islam.

Dengan *shūrā* bukan sahaja konsep permesyuaratan itu diketengahkan tetapi pelbagai elemen pentadbiran yang efisien dapat dilahirkan. Antaranya ialah toleransi di dalam proses pembuatan keputusan di dalam pentadbiran dan pemerintahan. Ini jelas apabila melalui *shūrā* (yang mengandungi ahli-ahli yang berkredibiliti) bermesyuarat bukan sahaja tentang perlantikan atau pemilihan calon pemimpin bagi kawasan atau daerah tertentu tetapi juga tentang penggubalan sesuatu dasar.²⁶

Pelbagai pandangan diambil dan diproses sebelum sesuatu dasar umum yang akan menentukan kesejahteraan rakyat diputuskan.

Selain daripada itu shūrā juga memainkan peranan sebagai *counter-check* kepada sistem pentadbiran dan pemerintahan. Di mana ahli majlis shūrā mempunyai autoriti untuk menyingkir pemimpin yang tidak pragmatik walaupun ketua negara.²⁷ Selain daripada itu, ia juga berfungsi menjaga kemaslahatan dan menjamin hak-hak rakyat. Dengan itu, ketelusan dan keadilan dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran dapat dipantau sebaiknya. Tetapi ini hanya dapat dilaksanakan sekiranya pemerintah atau pemimpin mengaplikasikan prinsip tersebut.

Fungsi shūrā seterusnya yang begitu pragmatik kepada sistem pemerintahan dan pentadbiran ialah wujudnya pengagihan kuasa. Pengagihan kuasa kepada ahli majlis shūra mengelakan kuasa dimonopoli oleh seorang pemimpin atau pemerintah sahaja. Ini adalah kerana kuasa yang tidak diimbangi akan cenderung kepada berlakunya ketidakadilan dan kezaliman. Firman Allah:²⁸

“Di antara orang yang Kami ciptakan ada umat yang memberi petunjuk dengan hak dan dengan hak itu pula mereka menjalankan keadilan”

Sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī:²⁹

“Agama itu nasihat, para sahabat bertanya, kepada siapa wahai Rasulullah? Kepada Allah, kepada KitabNya (al-Qur‘an), RasulNya, dan pemimpin kaum muslimin dan kepada orang awam”.

Berasaskan kepada kepentingan shūrā ini, tidak hairanlah sekiranya para ulamak antaranya seperti al-Jassāṣ, al-Shawkānī, Muhammad Rashīd Ridā, al-Mawdūdī dan ramai lagi meletakkan hukum wajib kepada rakyat dan pemerintah negara untuk melaksanakan shūrā.³⁰

Penutup

Penjelasan tentang falsafah pragmatisme Barat sebagaimana yang telah dibincangkan jelas memperakarkan kenyataan yang sering dibuat oleh para cendikiawan Islam bahawa pemodenan dan kemajuan Barat hanyalah suatu kemajuan yang bersifat lahiriah dan tidak menjamin kualiti keperibadian individu. Kemajuan dan pemodenan dilihat sebagai suatu keperluan untuk manusia meneruskan kehidupan yang selesa di dunia tanpa memberatkan keutuhan dan kemantapan spiritual mereka. Atau dengan ertikata lain yang sering kita baca ialah

pemodenan Barat terpisah dari amalan keagamaan mereka walaupun dalam masa yang sama sebahagian besar dari mereka mempercayai kewujudan hidup selepas mati.

Begitu juga halnya dengan pemodenan yang dicipta di bidang politik. Di antara idea pemodenan tersebut yang bersifat saintifik daripada tradisional ialah falsafah yang ditonjolkan di dalam teori pragmatisme. Falsafah teori ini menekankan kepada penerimaan kepada apa jua hasil pemikiran manusia yang bersifat realistik untuk pembangunan mereka dan tidak sekadar suatu omongan kosong.

Jika dilihat dan dikaji secara serius tentunya teori ini sangat baik dan akan memberi kesan yang baik juga kepada sistem politik dan pembangunan negara. Ini adalah kerana seorang pemimpin yang baik itu ialah yang bukan sekadar dapat memberi idea tetapi idea yang boleh dilaksanakan dan apabila dilaksanakan ia akan membawa kesan positif kepada rakyat. Malangnya oleh kerana falsafah yang dibawa begitu umum mengakibatkan pemimpin itu bersifat autokrasi iaitu hanya akan memikirkan cara terbaik untuk melaksana dan merealisasikan sesuatu idea yang telah dikemukakan tanpa mengambilkira faktor penerimaan rakyat. Yang utama ialah idea tersebut boleh menghasilkan natijah yang diharapkan. Tambahan lagi apabila masyarakat ini tidak dipandu geraklaku mereka secara keagamaan.

Penggunaan rasional tanpa panduan keagamaan atau tauhid boleh menyesatkan manusia dan menyebabkan mereka sanggup melakukan apa sahaja yang dirasakan perlu, *functional* dan positif. Hal inilah yang berlaku dalam order baru dunia hari ini. Perebutan kuasa, peperangan, pelanggaran hak-hak asasi dan sebagainya kerana manusia berfikir semata-mata dengan rasional akal tanpa berpegang kepada tauhid.

Walaupun tidak dinafikan bahawa melahirkan idea yang positif itu amat perlu bagi mencambah kreativiti dan daya utuh dalam pemikiran tetapi dari sudut pemikiran Islam itu bukan suatu jaminan kepada kesejahteraan manusia. Di bidang politik misalnya, umat manusia telah dibekalkan dengan suatu falsafah Islam yang pragmatik iaitu perlaksanaan nilai-nilai dan prinsip-prinsip siyāsah shar'iyyah dalam kepimpinan negara. Itulah jaminan pragmatik dalam Islam. Cuma rakyat dan pemimpinlah yang perlu menjalankan idea-idea pragmatik tersebut secara pragmatik juga.

Rakyat perlulah menjalankan kewajipan mereka memilih atau melantik pemimpin mereka dan pemilihan mestilah berasaskan kriteria yang bertunjangkan keimanan dan ketakwaan. Dengan sebab itu, rakyat Islam yang pragmatik ialah yang menjalankan kewajipan tersebut. Begitu juga dengan pemimpin-pemimpin yang telah dilantik hendaklah mereka membuktikan idea pragmatik Islam antaranya

Tinjauan Falsafah Pragmatisme Dari Aspek Pemikiran Politik Perbandingan
yang terdapat di dalam prinsip-prinsip siyāsah shar‘iyyah melalui perlaksanaan yang berterusan.

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan di sini bahawa ajaran Islam dalam setiap aspek termasuk dalam bidang siyāsah shar‘iyyah adalah bersifat pragmatik. Tetapi ia tidak akan dapat dibuktikan sekiranya tiada perlaksanaan yang bersungguh-sungguh dan berterusan dari rakyat dan pemimpin itu sendiri.

Nota Hujung

1. John Bowle, *Western Political Thought*, London: Lowe & Brydone (Printers) Ltd. 1954 p.12.
2. Mahathir Mohamad, *The Malaysian System Of Government*, Prime Minister Office: Kuala Lumpur, (1995), p.13
3. *The New Encyclopediad of Britannica*, 1995, United States, p.636.
4. Teuku Iskandar, (Dr.) *Kamus Dewan*, 1992, Kuala Lumpur, hlm. 982.
5. A.S Hornby, A.P. Cowie, A.C. Gimson , *Oxford Advanced Learner's Dictionary Of Current English* ,1987, Oxford University Press, p.654.
6. Beliau adalah di antara ahli falsafah utama yang mengutarakan idea ini, antaranya melalui bukunya ‘*Principles Of Psychology*, 1890.
7. Andrew Hacker, *Political Theory : Philosophy, Ideology and Science*, New York: The MacMillan Press Com., 1961, p.39.
8. Michael Weinstein *Philosophy, Theory and Method in Contemporary Political Thought*, London: Scott,Forestman & Company. 1971, p.43.
9. Yūsuf al-Qarādawī, ‘Awāmil al-Si‘ah wa al-Murūnah Fi al-Shari‘ah al-Islāmiyyah, Kuwait: al-Dīwān al-Amīrī, 1994 hlm. 75.
10. Mohammad Hashim Kamali, *Principles Of Islamic Jurisprudence*, Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd. 1998, p.366.
11. *Ibid.*, hlm. 367.
12. Bukhārī, *Sahīh*, VI, hlm. 84.
13. Istilah ini digunakan di sini semata-mata untuk tujuan perbandingan dan tidak bermaksud menggunakan secara kekal.

14. Ini adalah prinsip-prinsip asas politik Islam yang dipegang sebagai satu falsafah. Namun, sesetengah penganalisis politik Islam menambah beberapa prinsip asas yang lain. Penulis tidak akan menghuraikan hal ini dengan detail kerana ia tidak berkait secara langsung dengan tajuk perbincangan.
15. Sila lihat ‘Abd al-Rāḥmān Tāj , *Al-Siyāsah al-Shar‘iyyah Wa al-Fiqh al-Islāmi*, Dār al-Ta’lif , 1953, hlm. 10-11.
16. Surah Al-Nisā’ : 59.
17. Hukum wajib memilih atau melantik pemimpin tertinggi atau ketua negara adalah hukum yang telah dibuat secara ijmak ulamak. Sila lihat Al-Māwardī, *Al-Aḥkam Al-Sūlṭāniyyah Wa al-Wilāyah al-Dīniyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah (t.t).
18. Surah Al-Baqarah : 30.
19. Surah Ṣād : 26.
20. Penjelasan ini hanya diambil secara asas tanpa melihat kepada syarat-syarat khusus pemerintah samada yang disepakati ataupun tidak kerana motif penulisan ini adalah untuk menampakkan kepada pembaca di mana elemen pragmatik itu wujud di dalam siyāsah shar‘iyyah.
21. Dinukil daripada Ibn Taymiyyah (t.t) *Al-Siyāsah al-Shar‘iyyah Fi Islāḥ Rā‘i Wa al-Ra‘iyyah*, (t.pct) h.9. Lihat juga *Sunan al-Nasa‘i* , Vol.7 , no. 4215.
22. Al-Ghazālī, *Fātiḥ Al-‘Ulūm*, (1961) Kaherah., hlm. 454.
23. Ibn Taymiyyah, *op.cit.*, hlm. 60.
24. Surah Al-Mā‘idah : 45.
25. Surah Ḥāli ‘Imrān : 159.
26. Al-Māwardī, *op.cit.*, hlm. 6-9.
27. *Ibid.*, hlm. 8.
28. Surah Al-A‘raf : 181.
29. Bukhārī, *Sahīh*, vol.I, no. 58. Lihat juga *Sunan al-Nasa‘i* , vol.VII, no.4208.
30. Al-Jassāṣ,(1960) *Aḥkām al-Qur‘ān (Tafsīr al-Jassāṣ)*, Jil. III, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabi, h.386. Lihat juga Al-Qurtubī, (1967) *Al-Jāmi’ Li Aḥkām al-Qur‘ān (Tafsīr al-Qurtubī)*, Jil.IV, Kaherah: Dār al-Kutub al-‘Arabiyyah Li at-Tibā‘ah, h. 250. Lihat juga Abū A’lā al-Mawdūdī, (373H) *Nahw al-Dusūr al-Islāmī*, Mesir: Matba‘ah al-Salafiah, hlm. 62-66.